

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, March 19, 2019 1:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program Jejak Matematik Pupuk Minat Pelajar Sekolah Rendah



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

19 MAC 2019 / 12 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: PPA UUMCAS

PROGRAM JEJAK MATEMATIK PUPUK MINAT PELAJAR SEKOLAH RENDAH



UUM ONLINE: Bagi memupuk minat pelajar-pelajar sekolah rendah dalam mata pelajaran Matematik, Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA) College of Art and Sciences (PPA UUMCAS) bersama Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) telah menganjurkan Program "Jejak Matematik Antara SKK-SJK (C) Negeri Kedah" bertempat di Dewan Semarak Budi INASIS Tradewinds, baru-baru ini.

Seramai 102 orang pelajar sekolah darjah 4 hingga darjah 6 bersama 22 orang guru pengiring daripada tiga buah Sekolah Kluster Kecemerlangan di Alor Setar, iaitu SJK (C) Keat Hwa (K), SJK(C) Keat Hwa (S) dan SJK (C) Aik Min terlibat dalam program ini

Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan PPA UUMCAS, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin

Beliau dalam ucapannya berkata selain memupuk minat minat pelajar sekolah rendah dalam mata pelajaran Matematik, program ini juga bertujuan meningkatkan prestasi para pelajar dalam mata pelajaran tersebut dan merupakan program jalinan SKK-SJK (C) Negeri Kedah dengan UUM dalam perkongsian ilmu, tenaga pakar dan prasarana.

"Di samping itu program ini juga mampu mengasah bakat berfikir dalam diri seseorang murid supaya mereka dapat mencari jalan penyelesaian dari pelbagai sudut.

"Justeru saya berharap jaringan dan jalinan antara SKK-SJK (C) dan UUM dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang," ujarnya.

Sepanjang program tersebut, para pelajar menjalankan empat aktiviti berbentuk permainan yang berunsurkan matematik yang menekankan kepentingan psikomotor, komunikasi dan semangat berpasukan bersama-sama dengan para fasilitator selain diberi peluang mengguna dan mengaplikasi ilmu pengetahuan matematik yang dipelajari di sekolah dalam setiap permainan yang disediakan.

Turut menjayakan program ini, Dr. Teh Yuan Ying dan Dr. Ch'ng Chee Keong selaku ketua fasilitator dan 23 orang fasilitator terdiri daripada mahasiswa Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS).

Hadir sama Guru Besar SJK(C) Keat Hwa (K), Wong Swee Wah; Guru Besar SJK (C) Aik Min, Koh Wee Cheng, guru-guru penolong kanan dan guru pengiring.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.